Sistem Kewangan Islam

Sistem Kewangan Islam

PENINGKATAN KEPENTINGAN SISTEM KEWANGAN ISLAM

Sistem kewangan Islam kini muncul sebagai satu komponen yang berdaya maju dan teguh dalam keseluruhan sistem kewangan, melengkapi sistem kewangan konvensional. Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) menggariskan fokus strategik yang jelas bagi membangun dan memacu perkembangan sistem perbankan Islam. Berlatarbelakangkan ekonomi yang kukuh dan asas makroekonomi yang teguh, sistem kewangan Islam terus berkembang pesat, menguasai 9.7% bahagian pasaran dari segi aset pada tahun 2003, berbanding 6.9% pada tahun 2000. Deposit dan pembiayaan juga mencatat peningkatan ketara dengan masing-masing merangkumi 10.4% (7.4% pada tahun 2000) dan 10.3% (5.3% pada tahun 2000) daripada sistem perbankan. Perkembangan pesat sistem perbankan Islam dalam negeri, disusuli kemajuan pesat perbankan dan kewangan Islam telah menjadi semakin penting bagi memenuhi keperluan ekonomi yang kian berubah.

Perkembangan pesat sistem perbankan Islam dalam negeri, disusuli kemajuan pesat perbankan dan kewangan Islam telah menjadi semakin penting bagi memenuhi keperluan ekonomi yang kian berubah.

Dalam suasana dwi-perbankan di Malaysia, sistem kewangan Islam beroperasi selari dengan sistem kewangan konvensional. Sistem kewangan Islam di Malaysia merangkumi sistem perbankan Islam, pasaran wang antara bank secara Islam, insurans Islam atau takaful, pasaran modal Islam serta institusi kewangan khusus yang menyediakan sumber pembiayaan alternatif. Hubungan saling berkait antara komponen-komponen utama ini mewujudkan persekitaran yang sesuai dan komprehensif bagi sistem kewangan Islam memainkan peranan yang berkesan dalam menggembleng sumber dan menyalurkan pembiayaan kepada aktiviti ekonomi yang produktif. Struktur sistem kewangan Islam ini juga meningkatkan daya tahan dan keteguhan sistem kewangan Islam dalam menghadapi kejutan kewangan dan menyumbang ke arah kestabilan keseluruhan sistem kewangan Islam.

- Sistem perbankan Islam yang menjadi tulang belakang kepada sistem kewangan Islam memainkan peranan penting dalam menggembleng deposit dan menyalurkan kemudahan pembiayaan bagi pertumbuhan ekonomi. Sistem perbankan Islam kini terdiri daripada 33 institusi perbankan Islam iaitu dua bank Islam dan 31 institusi perbankan konvensional (sembilan bank perdagangan, empat bank asing, tujuh syarikat kewangan, empat bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun) yang menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI). Institusi perbankan Islam menyediakan rangkaian produk kewangan dan perkhidmatan Islam yang luas dan komprehensif, meliputi produk deposit seperti deposit simpanan, deposit semasa dan deposit pelaburan serta produk pembiayaan seperti pembiayaan hartanah, pembiayaan modal kerja, pembiayaan projek, pembiayaan loji dan mesin, pembiayaan sewa beli, pembiayaan pendidikan dan produk pembiayaan lain, termasuk produk pembiayaan dagangan. Keupayaan institusi perbankan Islam menghasilkan dan menawarkan produk yang mempunyai ciri menarik dan inovatif, pada harga yang kompetitif dengan produk perbankan konvensional, berjaya menarik minat pelanggan beragama Islam dan yang bukan beragama Islam. Ia memaparkan kapasiti sistem perbankan Islam sebagai perantara kewangan yang berkesan. Akses perkhidmatan perbankan Islam ke pelbagai sektor ekonomi juga dipertingkatkan menerusi rangkaian agihan yang luas, merangkumi 152 cawangan perbankan Islam sepenuhnya dan 2,065 kaunter perbankan Islam (menawarkan produk perbankan Islam), yang disokong oleh sistem pembayaran yang cekap, selamat dan berkesan.

- Pasaran wang antara bank secara Islam yang aktif adalah satu lagi komponen penting dalam sistem kewangan Islam. Dalam mekanisme pelaburan *mudharabah* antara bank, institusi perbankan Islam dapat menjana dana bagi memenuhi

Jadual 5.1
Sistem Perbankan Islam: Data Utama

	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan (%)
	2002	2003*a*	2003*a*
Bilangan institusi	**35**	**33**	**-5.7**
Bank perdagangan	14	13	-7.1
Syarikat kewangan	9	7	-22.2
Bank saudagar	3	4	33.3
Bank-bank Islam	2	2	0.0
Syarikat diskaun	7	7	0.0
Jumlah aset (RM juta)	**68,070**	**82,196**	**20.8**
Bank perdagangan	29,109	36,824	26.5
Syarikat kewangan	12,623	17,875	41.6
Bank saudagar	1,430	1,716	20.0
Bank-bank Islam	20,160	20,955	3.9
Syarikat diskaun	4,748	4,826	1.6
Jumlah deposit (RM juta)	**53,306**	**60,212**	**13.0**
Bank perdagangan	23,476	26,519	13.0
Syarikat kewangan	9,094	10,965	20.6
Bank saudagar	684	852	24.6
Bank-bank Islam	16,421	17,584	7.1
Syarikat diskaun	3,631	4,292	18.2
Jumlah pembiayaan (RM juta)	**36,718**	**48,615**	**32.4**
Bank perdagangan	16,706	22,324	33.6
Syarikat kewangan	10,050	15,746	56.7
Bank saudagar	804	781	-2.9
Bank-bank Islam	9,158	9,764	6.6
Syarikat diskaun	t.b.	t.b.	t.b.
Nisbah pembiayaan-deposit (%)	**68.9**	**80.7**	**11.8**
Bank perdagangan	71.2	84.2	13.0
Syarikat kewangan	110.5	143.6	33.1
Bank saudagar	117.5	91.7	-25.8
Bank-bank Islam	55.8	55.5	-0.3
Syarikat diskaun	t.b.	t.b.	t.b.
Bilangan cawangan	**138**	**152**	**10.1**
Bank perdagangan	8	13	62.5
Syarikat kewangan	2	7	250.0
Bank-bank Islam	128	132	3.1
Bilangan kaunter	**2,065**	**2,065**	**0.0**
Bank perdagangan	1,335	1,410	5.6
Syarikat kewangan	730	646	-11.5
Bank saudagar	–	9	–

t.b. Tidak berkenaan.
a Awalan

keperluan pendanaan jangka pendek berdasarkan konsep perkongsian untung. Sejak dilancarkan pada tahun 1994, jumlah pelaburan *mudharabah* antara bank mencatat peningkatan daripada hanya RM0.5 bilion pada tahun 1994 kepada RM283.8 bilion pada tahun 2003. Dengan adanya pelbagai instrumen kewangan Islam jangka pendek dan jangka panjang seperti Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia (BNNN) dan sekuriti hutang swasta secara Islam, serta disokong dagangan aktif instrumen-instrumen ini, memudahkan institusi perbankan Islam memenuhi keperluan pelaburan dan mudah tunai mereka. TPK dan BNNN adalah antara instrumen yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia bagi menguruskan mudah tunai sistem perbankan Islam. Kecekapan pasaran wang secara Islam terus dipertingkatkan melalui Sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata Bagi Dana dan Sekuriti (RENTAS) dan Sistem Tender Automatik Sepenuhnya (FAST). RENTAS memudahkan pemindahan dana bernilai besar antara bank dan sekuriti tanpa skrip, sementara FAST pula memudahkan proses tender bagi sekuriti Islam, termasuklah sekuriti kerajaan, nota dagangan dan sekuriti hutang swasta.

- Dalam pasaran modal Islam, dana dijana bagi membiayai projek pembangunan dan infrastruktur jangka panjang melalui terbitan sekuriti hutang swasta secara Islam. Pasaran modal Islam mengurangkan pergantungan pada sistem perbankan Islam bagi pembiayaan jangka panjang dan membantu institusi perbankan Islam menangani sebahagian daripada risiko yang timbul dari ketakpadanan aset dan liabiliti. Pasaran modal Islam memainkan peranan penting bagi mengurangkan elemen yang dapat menggugat kestabilan sistem kewangan, dan pada masa yang sama meningkatkan keteguhan dan daya tahan sistem kewangan Islam demi kestabilan sistem kewangan. Penerbitan pelbagai instrumen kewangan Islam meliputi nota dagangan jangka pendek, nota jangka sederhana dan bon Islam jangka panjang membantu institusi perbankan Islam memenuhi keperluan pelaburan dan mudah tunai mereka. Struktur kewangan instrumen Islam yang pelbagai turut memberi fleksibiliti kepada pengeluar bon dalam menguruskan keperluan kewangan mereka yang berbeza-beza. Keupayaan instrumen kewangan Islam menarik pelabur yang lebih ramai meliputi pelabur institusi konvensional dan Islam, membolehkan penjanaan dana pada kos yang lebih kompetitif. Di samping itu, penglibatan aktif institusi perbankan Islam dalam pemula urus niaga, pengunderaitan dan khidmat nasihat korporat menambahkan kedalaman pasaran modal Islam dan seterusnya meningkatkan keberkesanan dan kecekapan keseluruhan sistem kewangan Islam.

Penarafan kredit yang diberikan oleh agensi penarafan kredit luar seperti *Rating Agency Malaysia* (RAM) dan *Malaysian Rating Corporation Berhad* (MARC) memudahkan penentuan harga dan meningkatkan kecekapan

pasaran serta membantu dalam membuat keputusan pelaburan dan pembiayaan yang efisien. Keefisienan pasaran sekuriti hutang secara Islam diperkukuhkan lagi menerusi sistem penjelasan dan penawaran tender seperti RENTAS dan FAST serta Sistem Penyebaran Maklumat Bon (BIDS) yang menyediakan maklumat pasaran sekuriti hutang dalam negeri yang lengkap.

- Dalam pasaran ekuiti Islam, pelabur institusi Islam menyertai aktiviti penjanaan modal bagi membiayai perkembangan perniagaan syarikat. Melalui amanah saham Islam, pelabur mendapat akses kepada pengurusan dana secara profesional bagi memaksimumkan pulangan berdasarkan profil risiko yang berbeza. Sistem kewangan Islam yang lengkap menyediakan peluang pelaburan yang luas kepada pelabur Islam dan pelabur konvensional dalam pengurusan portfolio bagi memenuhi keperluan kewangan mereka.

Sistem kewangan Islam yang lengkap menyediakan peluang pelaburan yang luas kepada pelabur Islam dan pelabur konvensional dalam pengurusan portfolio bagi memenuhi keperluan kewangan mereka.

- Industri takaful turut memberi sinergi penting kepada sistem kewangan Islam. Pengendali takaful, terutamanya menerusi perniagaan takaful am membantu mengurangkan sebahagian risiko urus niaga pembiayaan dalam sistem perbankan dan secara tidak langsung memperkukuhkan daya tahan sistem kewangan Islam. Dalam perniagaan takaful keluarga, pengendali takaful memainkan peranan penting sebagai ejen ekonomi yang menggembleng simpanan jangka panjang bagi pelaburan jangka panjang dan pertumbuhan ekonomi. Peranan pengendali takaful sebagai pelabur institusi turut merangsang perkembangan instrumen kewangan Islam dan menyumbang kepada kedalaman pasaran kewangan Islam.

- Institusi khusus bukan bank yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam seperti institusi kewangan pembangunan dan Lembaga Tabung Haji melengkapi sistem perbankan Islam dengan mengembangkan skop pasarannya kepada sektor ekonomi strategik yang khusus. Usaha institusi ini berjaya meningkatkan kapasiti sistem kewangan Islam dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Institusi sampingan seperti Perbadanan Cagaran Nasional (Cagamas Berhad) turut memberikan sumbangan ke arah meningkatkan daya tahan sistem kewangan Islam melalui pensekuritian pembiayaan perumahan secara Islam dan sewa beli belum terima secara Islam dalam portfolio institusi perbankan Islam.

Memastikan Kekukuhan dan Kestabilan Kewangan

Sistem kewangan Islam beroperasi di bawah rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan Syariah yang mapan dan komprehensif. Dari segi perundangan, bank Islam dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Bank Islam 1983 (ABI), sementara bank konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (bank SPI) dikawal selia di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK). Institusi perbankan Islam beroperasi di bawah rangka kerja pengawalseliaan yang mapan berasaskan piawaian antarabangsa dan amalan perbankan terbaik, setanding dengan institusi perbankan konvensional. Bagi bank SPI, rangka kerja pengawalseliaan turut merangkumi keperluan mengasingkan portfolio perbankan Islam dan konvensional secara menyeluruh selaras dengan kehendak Syariah. Ini bertujuan memelihara integriti serta keyakinan terhadap sistem perbankan Islam.

- Bank Islam mematuhi *"Basel Capital Accord"* dalam mengekalkan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) minimum sebanyak 8% dan nisbah modal teras minimum sebanyak 4%. Bank SPI turut mematuhi rangka kerja RWCR bagi portfolio perbankan Islam mereka di samping pematuhan yang disatukan di peringkat entiti (pematuhan bagi kedua-dua portfolio perbankan Islam dan konvensional).

- Bank Islam juga dikehendaki mematuhi rangka kerja mudah tunai bagi memastikan kecukupan mudah tunai pada setiap masa. Di bawah rangka kerja ini, bank Islam dikehendaki menguruskan kedudukan mudah tunai secara aktif dengan memadankan keperluan mudah tunai jangka pendek daripada tanggungan matang dengan

aset matang. Selain itu, bank Islam dikehendaki mempunyai lebihan mudah tunai yang mencukupi yang berupaya memenuhi pengeluaran dana tak dijangka bagi tempoh sekurang-kurangnya sebulan. Bagi bank SPI, rangka kerja ini disatukan dan dipatuhi di peringkat entiti.

- Pengurusan portfolio perbankan Islam secara berhemat adalah mustahak bagi melindungi kepentingan pendeposit kerana operasi perbankan Islam diasaskan kepada konsep perkongsian untung dan rugi. Bagi menyemai amalan pembiayaan berhemat, institusi perbankan Islam dikehendaki menyediakan peruntukan mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kemerosotan dalam kualiti aset, dan mematuhi had kredit seorang pelanggan dan kepada institusi berkaitan dalam kumpulan yang sama.

- Institusi perbankan Islam turut mematuhi garis panduan Bank Negara Malaysia berhubung amalan terbaik dalam pengurusan risiko kredit serta larangan penyaluran pembiayaan kepada pengarah, kakitangan dan syarikat sekiranya mereka mempunyai kepentingan, demi mencegah penyalahgunaan kuasa, konflik kepentingan dan amalan luar aturan.

- Urus tadbir korporat yang kukuh adalah penting bagi memastikan institusi perbankan Islam diuruskan oleh pengurusan yang cekap dan berkebolehan yang dapat menentukan hala tuju strategik institusi serta dapat menguruskan operasi institusi perbankan Islam secara berkesan dan berhemat. Bank Islam mematuhi garis panduan Bank Negara Malaysia dalam urus tadbir korporat berhubung pelantikan pengarah, struktur lembaga pengarah, had bilangan jawatan pengarah yang boleh dipegang oleh seseorang pengarah dan ketua pegawai eksekutif, tingkah laku pengarah dan kakitangan institusi perbankan serta garis panduan tentang piawaian audit minimum. Bagi mengukuhkan lagi struktur urus tadbir korporat bank Islam, langkah tambahan telah diperkenalkan pada tahun 2003 berhubung dengan penubuhan jawatankuasa penamaan, jawatankuasa ganjaran dan jawatankuasa pengurusan risiko di bank Islam bagi meningkatkan peranan pemegang saham dalam memantau keberkesanan lembaga pengarah dan pasukan pengurusan. Garis panduan tersebut menekankan peranan dan tanggungjawab ahli pengarah bebas, yang antara lain, meliputi pengawasan ke atas lembaga pengarah secara berkesan serta mempertingkatkan skop pertimbangan dan budi bicara lembaga pengarah. Garis panduan tersebut turut menggariskan kelayakan minimum dan keperluan latihan bagi ahli lembaga pengarah.

- Dalam penyediaan penyata kewangan, bank Islam dikehendaki mematuhi Garis Panduan Laporan Contoh dan Penyata Kewangan bagi Bank Islam Berlesen (GP8-i). Bank SPI menzahirkan operasi perbankan Islam mereka dalam Nota Kepada Akaun penyata kewangan utama sebagai sebahagian daripada pematuhan bank konvensional kepada GP8. Bagi meningkatkan tahap ketelusan dalam menentukan kadar pulangan bagi perniagaan perbankan Islam, institusi perbankan Islam dikehendaki mematuhi rangka kerja kadar pulangan yang standard bagi pengiraan kadar pulangan.

- Kepatuhan Syariah adalah satu lagi dimensi penting dalam operasi perbankan Islam. Di bawah ABI, bank Islam dikehendaki menubuhkan badan penasihat Syariah. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) menunjangi badan-badan penasihat Syariah ini sebagai pihak berkuasa tunggal bagi memutuskan hal-ehwal Syariah berkaitan perniagaan perbankan dan kewangan Islam yang terletak di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. MPS turut dijadikan rujukan utama mahkamah bagi mendapatkan keputusan Syariah dalam kes berkaitan perbankan dan kewangan Islam.

- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) serta garis panduan pengubahan wang haram dan dasar "Kenali Pelanggan Anda" melindungi sistem perbankan Islam daripada aktiviti pengubahan wang haram. AMLA memperuntukkan undang-undang menyeluruh bagi pencegahan, pengesanan dan pendakwaan pengubahan wang haram, perampasan harta yang terlibat, atau penglibatan dalam pengubahan wang haram dan keperluan menyimpan rekod dan pelaporan urus niaga yang meragukan oleh institusi perbankan Islam.

- Bagi memperkukuhkan penguatkuasaan rangka kerja pengawalseliaan dalam menjamin kestabilan kewangan, institusi perbankan Islam tertakluk kepada rangka kerja penyeliaan yang terperinci dan menyeluruh. Aktiviti penyeliaan memberi keutamaan kepada pemantauan rapi kedudukan kewangan dan kekukuhan institusi perbankan Islam, pelaksanaan strategi awal dalam menangani sebarang kemerosotan atau kelemahan serta menggalakkan amalan terbaik dalam memperkukuhkan struktur urus tadbir korporat dan sistem pengurusan risiko. Proses penyeliaan digubal berdasarkan satu rangka kerja berasaskan risiko yang proaktif, merangkumi pemeriksaan di premis dan pengawasan luar premis yang dinamik. Proses pengawasan luar premis meliputi penilaian dan kelulusan penyata kewangan institusi perbankan Islam bagi memastikan pematuhan terhadap garis panduan Bank Negara Malaysia. Di samping itu, institusi perbankan Islam dipantau secara rapi melalui pengemukaan laporan statistik berkala serta analisis kewangan dan bukan kewangan yang terperinci bagi mengesan sebarang masalah yang mungkin timbul di peringkat awal. Pada tahun 2003, pemeriksaan di premis telah dijalankan ke atas bank Islam, termasuk ibu pejabat serta cawangan di dalam negeri dan luar pesisir, berdasarkan ukuran rangka kerja CAMELS. Sementara itu, ujian tekanan dijalankan secara berterusan ke atas kedudukan kewangan semasa institusi perbankan Islam menerusi simulasi tekanan dalam pelbagai keadaan bertujuan mengesan aspek yang berpotensi terdedah kepada sebarang kemungkinan. Keputusan hasil daripada ujian tekanan ini menjadi asas kepada pelaksanaan tindakan awal.

Integrasi Sistem Kewangan Islam di Peringkat Antarabangsa

Kemajuan pesat yang dicapai dalam sistem kewangan Islam dalam negeri membuka jalan ke arah integrasinya dalam pasaran global. Usaha di peringkat antarabangsa bagi meletakkan sistem kewangan Islam sebagai komponen berwibawa sistem kewangan global akan membantu mengukuhkan lagi pembangunan sistem kewangan Islam dalam negeri.

- Penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) di Kuala Lumpur bagi menggubal piawaian pengawalseliaan kehematan antarabangsa berasaskan ciri-ciri dan risiko unik institusi perbankan Islam akan menyumbang ke arah mengekalkan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan Islam. Sejak penubuhannya pada tahun 2002, LPKI telah berjaya menarik penyertaan yang meluas. Pada akhir tahun 2003, anggota LPKI meningkat kepada 13 ahli penuh, tiga ahli bersekutu dan 20 ahli pemerhati. LPKI kini sedang menggubal piawaian kehematan mengenai kecukupan modal dan pengurusan risiko dan akan memulakan tugas persediaan bagi menggubal piawaian urus tadbir korporat. Penyertaan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan *Bank for International Settlements* (BIS) dalam LPKI akan mempertingkatkan kerjasama ke arah pencapaian objektif bersama bagi menjamin kestabilan monetari dan kewangan di peringkat antarabangsa.

- Penubuhan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (PKIA) pada tahun 2002 adalah sebahagian daripada usaha mempertingkatkan keberkesanan sistem kewangan Islam sebagai suatu komponen sistem kewangan global dalam membantu mencapai perkembangan dan kemajuan yang seimbang. PKIA menyediakan infrastruktur bagi penggemblengan modal asing berlandaskan prinsip Syariah, merangsang terbitan dan perdagangan instrumen kewangan Islam, mempertingkatkan peluang pelaburan bagi pelabur antarabangsa serta memudahkan pengurusan mudah tunai di kalangan institusi perbankan Islam. Malaysia mempelopori penerbitan bon berdaulat secara Islam pertama bagi memacu perkembangan PKIA. Bon berdaulat ini menjadi tanda aras dan pemangkin bagi terbitan bon-bon global secara Islam yang lain. Pembangunan aktiviti perbankan dan kewangan Islam di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan menjadi pelengkap dalam mengukuhkan perkembangan PKIA dalam aspek penerbitan, penyenaraian dan urus niaga instrumen kewangan Islam dalam mata wang asing, serta menjalin hubungan dengan pusat kewangan Islam yang lain bagi mengembangkan lagi capaian perbankan dan kewangan Islam di peringkat antarabangsa.

TERAS DASAR PADA TAHUN 2003

Selaras dengan matlamat PISK untuk mewujudkan sistem kewangan Islam yang efisien, progresif dan komprehensif yang dapat menyumbang secara berkesan kepada kecekapan dan kemajuan sektor kewangan Malaysia, teras dasar kewangan Islam pada tahun 2003 terus ditumpukan ke arah memperkukuhkan asas penting yang mendukung sistem perbankan Islam supaya industri ini dapat berkembang dengan mantap dan progresif. Secara khusus, dasar menjurus ke arah memperkukuhkan infrastruktur kewangan keinstitusian, mempertingkatkan rangka kerja pengawalan, memperkukuhkan infrastruktur Syariah dan perundangan serta mempertingkatkan pembangunan sumber intelektual dan pendidikan pengguna.

Teras dasar kewangan Islam pada tahun 2003 terus ditumpukan ke arah memperkukuhkan asas penting yang mendukung sistem perbankan Islam supaya industri ini dapat berkembang dengan mantap dan progresif.

Memperkukuhkan Infrastruktur Kewangan Keinstitusian

Pembangunan Keinstitusian

Pembangunan infrastruktur kewangan yang komprehensif dan kukuh penting bagi meningkatkan kapasiti dan keberkesanan sistem perbankan Islam bersandarkan prinsip, keunikan dan cirinya yang tersendiri.

- Salah satu ciri infrastruktur kewangan yang kukuh ialah kepelbagaian peserta, termasuk penyertaan peserta asing dalam landskap kewangan Islam. Menyedari hakikat ini, Bank Negara Malaysia telah mempercepatkan pelan liberalisasi kewangan sektor perbankan Islam. Kehadiran bank Islam asing di Malaysia akan mewujudkan kesan limpahan yang seterusnya akan meningkatkan kepelbagaian produk, merangsang inovasi kewangan dan kemajuan keseluruhan sistem kewangan Islam. Ia juga akan berfungsi sebagai jambatan antara Malaysia dengan pasaran kewangan Islam global yang lain dan menyediakan persekitaran bagi menjadikan Malaysia pusat perbankan dan kewangan Islam serantau.

- Memandangkan industri perbankan Islam dalam negeri semakin berkembang ke tahap kemajuan yang lebih tinggi, infrastruktur pengawalan kewangan Islam juga mengalami perubahan penting di peringkat dalam negeri dan juga antarabangsa.

    - Di peringkat dalam negeri, perubahan ini meliputi penerbitan piawaian perakaunan yang berbeza untuk perniagaan kewangan Islam yang bakal diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia serta pengenalan Skim Insurans Deposit.

    - Di peringkat antarabangsa, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) bakal menerbitkan piawaian pengawalan kehematan dan pengawalseliaan khusus bagi mengawal selia operasi perbankan Islam antarabangsa.

- Bersandarkan latar belakang ini, Bank Negara Malaysia telah mengkaji semula struktur keinstitusian “jendela” bank SPI bagi mewujudkan struktur yang berdaya maju yang dapat mengasimilasikan perkembangan-perkembangan ini dan seterusnya memperkukuhkan rejim pengawalan kehematan dan pengawalseliaan.

Pengurusan Risiko

Satu lagi aspek penting dalam pembangunan infrastruktur kewangan keinstitusian ialah peningkatan kemampuan industri perbankan Islam dalam pengurusan risiko.

- Produk pembiayaan kadar boleh ubah berasaskan konsep *bai’ bithaman ajil* (jualan dengan harga tertangguh) diperkenalkan pada tahun 2003 bagi mempelbagaikan portfolio pembiayaan institusi kewangan Islam daripada terlalu bergantung pada pembiayaan kadar tetap. Ia juga dapat mengurangkan risiko berhubung ketakpadanan pendanaan.

- Seterusnya, bagi melengkapkan mekanisme pembiayaan kadar terapung berkonsepkan *bai’ bithaman ajil* (BBA), satu produk pembiayaan kadar boleh ubah berdasarkan konsep *ijarah muntahia bittamleek* (pajakan berakhir dengan hak milik) sedang dikaji.

Pengenalan kepada Mekanisme Kadar Boleh Ubah secara Islam

Dalam aspek pengurusan risiko, satu pencapaian penting industri perbankan Islam pada tahun 2003 adalah pengenalan produk pembiayaan kadar boleh ubah yang pertama berasaskan konsep *bai' bithaman ajil* (BBA). Produk ini dimajukan oleh satu kumpulan kerja terdiri daripada wakil Bank Negara Malaysia dan peserta industri bagi membantu institusi kewangan Islam bersaing dari segi pemadanan kadar pembiayaan perbankan Islam dengan kadar pembiayaan pasaran dalam konteks persekitaran dwi-perbankan. Ia juga dapat memberi pulangan yang lebih munasabah kepada pendeposit dan seterusnya mengurangkan risiko ketakpadanan. Menerusi produk ini, institusi kewangan Islam berupaya memperoleh aliran pendapatan yang pelbagai daripada aktiviti pembiayaan mereka yang dapat diagihkan kepada pendeposit pada kadar yang lebih kompetitif.

Instrumen baru ini adalah satu pilihan kepada portfolio pembiayaan semasa yang sebahagian besarnya berkadar tetap. Pergantungan tinggi pada pembiayaan kadar tetap menjadi isu penting dalam perbankan Islam kerana kekurangan mekanisme lindung nilai bagi melindungi aset kewangan Islam yang semakin mengembang dan terdedah kepada kadar pembiayaan yang turun-naik. Pada akhir Disember 2003, jumlah pembiayaan berkadar tetap merangkumi 87.8% daripada keseluruhan pembiayaan secara Islam. Sebahagian besar pembiayaan ini, seperti pembiayaan rumah-i, pembiayaan hartanah-i dan pembiayaan bertempoh-i berjangka panjang, merangkumi 58.8% daripada jumlah pembiayaan secara Islam seperti yang ditunjukkan dalam Graf 1. (Kaedah pembiayaan kadar boleh ubah semasa yang ditawarkan beberapa institusi kewangan Islam tidak praktikal kerana ia melibatkan beberapa perjanjian sampingan bagi mencerminkan perubahan dalam kadar pembiayaan).

Graf 1
Jumlah Pembiayaan mengikut Kaedah Pembiayaan (pada akhir tahun 2003)

Rejim kadar tetap menyebabkan ketakpadanan dalam pendanaan institusi kewangan Islam kerana pembiayaan jangka panjang mereka dibiayai deposit jangka pendek yang tidak tetap kadar pulangannya. Memandangkan pihak bank menetapkan kadar keuntungan pembiayaannya bagi satu tempoh yang panjang, kenaikan kadar pasaran boleh menimbulkan kesulitan kepada institusi perbankan Islam untuk memberi pulangan yang memuaskan kepada pendeposit. Aliran pendapatan daripada pembiayaan tetap terikat pada kadar keuntungan yang tetap dan secara relatifnya lebih rendah sekiranya kadar terapung pinjaman konvensional meningkat. Keadaan ini boleh menyebabkan dana Islam beralih ke dana konvensional.

Pembiayaan kadar boleh ubah ini diperkenalkan bagi mengurangkan risiko ketakpadanan yang kini dihadapi institusi kewangan Islam. Menerusi produk ini, kadar keuntungan pembiayaan boleh diubahsuai mengikut kadar pasaran supaya kadar deposit lebih kompetitif. Pendeposit dapat memperoleh pulangan yang lebih memuaskan dan seterusnya tidak memindahkan dana mereka ke perbankan konvensional yang sekiranya berlaku, boleh menjejaskan operasi perbankan Islam. Alternatif baru ini mengurangkan pendedahan risiko pasaran institusi perbankan Islam terutamanya dalam suasana sistem perbankan Islam beroperasi seiringan dengan sistem perbankan konvensional.

Pembiayaan kadar boleh ubah ini adalah inovasi kepada konsep pembiayaan BBA sedia ada yang ketika ini berkadar tetap. Dalam pembiayaan kadar boleh ubah ini, harga jualan aset kepada pelanggan secara bayaran tertangguh ditetapkan pada kadar keuntungan siling atau maksimum, yang kadarnya lebih tinggi daripada kadar keuntungan tetap pembiayaan BBA. Justeru, harga jualan kontrak dan bayaran ansurannya menjadi lebih tinggi. Walau bagaimanapun, rebat atau *ibra'* (pengecualian hak menuntut keuntungan belum diperoleh) diberikan pada setiap bayaran ansuran, misalnya pada setiap bulan, bagi mengurangkan ansuran bulanan supaya sepadan dengan kadar pasaran semasa.

Graf 2
Pembiayaan BBA Kadar Boleh Ubah

Dalam Graf 2, pembiayaan dimeterai apabila bank membeli aset daripada pelanggan secara tunai dan menjual semula aset tersebut secara bayaran tertangguh. Berdasarkan kadar keuntungan maksimum 12%, harga jualan (lebih tinggi daripada pembiayaan BBA berkadar tetap) dipersetujui dan kontrak pembayaran balik dimeterai dengan bayaran ansuran sebanyak RM2,000 sebulan sepanjang tempoh dipersetujui. Sekiranya kadar pinjaman asas (BLR) yang digunakan sebagai tanda aras dalam pengiraan harga adalah 10% setahun pada bulan pertama, bank dikehendaki memberikan rebat bulanan RM500 iaitu perbezaan antara kadar keuntungan maksimum 12% setahun dan kadar keuntungan efektif 10% setahun. Sekiranya dalam bulan keempat, kadar pasaran meningkat kepada 11% setahun, bank berkenaan akan memberi rebat bulanan sebanyak RM300 sahaja.

Pada amalannya, rebat diubahsuai supaya kadar keuntungan efektif (kadar keuntungan maksimum tolak rebat) dapat mencerminkan turun-naik kadar pembiayaan pasaran. Bank boleh menaikkan kadar pembiayaan apabila kadar pasaran meningkat, dan seterusnya memberi pulangan lebih baik kepada pendeposit. Ia juga membuktikan kewajaran penetapan kadar keuntungan maksimum yang lebih tinggi bagi menampung sebarang kenaikan kadar pasaran. Walau bagaimanapun, sekiranya

kadar pasaran meningkat melebihi 12% setahun, kadar keuntungan efektif kekal pada kadar keuntungan maksimum. Kadar keuntungan maksimum ini memberi jaminan kepada pelanggan yang kadar keuntungan efektif dihadkan pada kadar tersebut.

Bagi mengawal selia kaedah pembiayaan ini, kadar keuntungan maksimum adalah tertakluk kepada empat mata peratusan atas BLR, kecuali sekiranya terdapat alasan kukuh tentang jangkaan perubahan dan turun-naik kadar pasaran. Dalam menentukan kadar keuntungan efektif, bank dikehendaki mengawasi had keuntungan maksimum sebanyak 2.5 mata peratusan atas BLR. Pada dasarnya, kadar keuntungan efektif tidak boleh melebihi kadar keuntungan maksimum walaupun kadar pasaran semasa melebihi kadar keuntungan maksimum, malah sebarang perubahan kadar keuntungan efektif hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan sebelum perubahan tersebut dilakukan.

Pada tempoh matang, sebarang perbezaan antara harga jualan dan jumlah bayaran balik (termasuk rebat bulanan) akan dikembalikan. Selain rebat bayaran ansuran dan tempoh matang yang wajib dimasukkan dalam perjanjian pembiayaan, rebat juga perlu diberi bagi bayaran balik awal atau penebusan, atau penamatan kontrak. Bank Negara Malaysia juga membenarkan penjadualan semula pembiayaan, iaitu lanjutan tempoh pembiayaan sekiranya bank memilih untuk tidak menaikkan ansuran bulanan efektif meskipun terdapat kenaikan dalam kadar keuntungan efektif. Syaratnya, perjanjian pembiayaan hendaklah mengandungi klausa penjadualan semula, manakala jumlah bayaran balik tidak boleh melebihi harga jualan asal. Bagi maksud pengiraan kecukupan modal, pembiayaan BBA kadar boleh ubah mengguna pakai wajaran risiko yang sama seperti pembiayaan BBA berkadar tetap.

Buat masa ini, kaedah pembiayaan baru ini digunakan bagi pembiayaan rumah, hartanah dan pembiayaan berjangka sahaja dan dijangka diperluaskan kepada jenis pembiayaan lain pada masa hadapan. Produk baru ini dijangka berkembang pesat kerana ia adalah produk lindung nilai semula jadi khasnya bagi menangani isu pendedahan risiko yang ketara dalam perbankan Islam.

Meningkatkan Rangka Kerja Pengawalan

Peningkatan kepentingan industri perbankan Islam memerlukan pembangunan rangka kerja pengawalan yang efektif bagi mewujudkan suasana yang menyokong pembangunan industri tersebut.

- Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia menjalankan kajian semula ke atas Rangka Kerja Kadar Pulangan bagi memperkukuhkan kaedah pengiraan kadar pulangan kepada pendeposit. Kajian semula ini akan memberi fleksibiliti yang lebih meluas dalam pelaksanaan rangka kerja tersebut.

- Garis Panduan Laporan Contoh dan Penyata Kewangan bagi Bank Islam Berlesen (GP8-i) dikeluarkan pada bulan Ogos 2003 bagi mewujudkan ketekalan dan keseragaman dalam kepatuhan kepada peruntukan-peruntukan ABI, piawaian perakaunan yang diluluskan, khususnya MASB *i*-1 dan kehendak Syariah di kalangan bank Islam. Garis panduan ini menetapkan keperluan minimum penyata kewangan yang perlu dizahirkan oleh bank Islam.

- Dalam perkembangan piawaian perakaunan bagi kewangan Islam, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia telah memulakan kerja-kerja asas persediaan piawaian berhubung pengiktirafan, penilaian dan penzahiran transaksi pemajakan (*ijarah*), jualan bayaran tertangguh (BBA) dan kos-tambah (*murabahah*).

Rangka Kerja Kadar Pulangan

Bank Negara Malaysia memperkenalkan Rangka Kerja Kadar Pulangan bertujuan menyeragamkan kaedah pengiraan keuntungan boleh agih dan kaedah pengiraan kadar pulangan kepada pendeposit. Objektif rangka kerja ini, antara lain adalah:-

(i) Menetapkan piawaian minimum dalam pengiraan kadar pulangan;
(ii) Mewujudkan asas yang saksama dan sumber rujukan di kalangan institusi perbankan Islam (IPI) dalam pengiraan kadar pulangan; dan
(iii) Menyediakan Bank Negara Malaysia satu asas pengukuran yang berkesan untuk menilai kecekapan IPI.

Sebelum rangka kerja ini diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia, IPI mengguna pakai pelbagai kaedah dalam pengiraan kadar pulangan yang menyebabkan perbezaan ketara dalam hasil pengiraan dan implikasinya. Misalnya, sesetengah IPI memasukkan kesemua jenis pendapatan dalam pengiraan mereka manakala sesetengah IPI pula tidak memasukkan beberapa jenis pendapatan. Perbezaan amalan ini menyebabkan timbulnya beberapa halangan dalam:-

(i) Penilaian kadar pulangan oleh Bank Negara Malaysia khususnya bagi menentukan sama ada kadar pulangan IPI menggambarkan prestasi sebenar mereka;
(ii) Pengawalseliaan Bank Negara Malaysia, terutamanya dari segi menilai kehematan dan kesaksamaan dalam pengagihan keuntungan kepada pendeposit; dan
(iii) Penilaian kos pendanaan oleh IPI yang menyebabkan herotan pada kadar pulangan dalam pasaran runcit dan pasaran antara bank.

Penyeragaman pengiraan kadar pulangan akan menangani ketidakseimbangan maklumat antara IPI dan pendeposit melalui peningkatan tahap ketelusan dan memastikan pendeposit menerima pulangan yang setimpal dengan pelaburan mereka. Bagi tujuan itu, rangka kerja ini menyenaraikan secara terperinci butiran pendapatan dan perbelanjaan yang perlu dilaporkan dan diambil kira bagi tujuan pengiraan kadar pulangan. Jadual pengiraan juga menggariskan butiran perbelanjaan yang perlu dikongsi bersama oleh pendeposit dan IPI dan butiran perbelanjaan yang hanya ditanggung oleh pihak bank.

Pengenalan rangka kerja ini juga bertujuan menyokong aplikasi kontrak *mudharabah* (perkongsian untung) dalam aktiviti pengambilan deposit perbankan Islam dengan berkesan. Berbeza daripada perbankan konvensional yang berasaskan hubungan pemiutang-penghutang, kontrak *mudharabah* berasaskan kepada hubungan pelabur-pengusaha. Dalam kontrak ini, pihak pendeposit berperanan sebagai penyumbang modal manakala pihak bank selaku pengusaha. Dana pendeposit digunakan bagi aktiviti pembiayaan dan pelaburan. Keuntungan yang dijana daripada aktiviti tersebut dikongsi bersama antara pendeposit dan bank berdasarkan nisbah perkongsian untung yang dipersetujui. Kerugian pula ditanggung oleh pendeposit. Memandangkan sebahagian besar deposit perbankan Islam adalah deposit *mudharabah*, pengurusan IPI terdedah kepada risiko fidusiari yang tinggi kerana IPI perlu memastikan dana tersebut digunakan secara berkesan, sementara keuntungan yang dijana daripada pembiayaan dan pelaburan perlu diagihkan kepada pendeposit secara saksama. Pada umumnya, pengenalan Rangka Kerja Kadar Pulangan bukan sahaja bertujuan menyeragamkan kaedah pengiraan tetapi juga bagi menentukan pengagihan pendapatan sebenar dan saksama kepada pendeposit.

Rangka Kerja
Rangka Kerja Kadar Pulangan terdiri daripada dua komponen utama, iaitu jadual pengiraan dan jadual pengagihan. **Jadual pengiraan** menetapkan butiran pendapatan dan butiran perbelanjaan yang perlu dilaporkan dan menggariskan piawaian bagi pengiraan pendapatan boleh agih bersih. Antara butiran penting dalam jadual tersebut ialah butiran peruntukan. Sebelum pengenalan rangka kerja ini,

Jadual 1
Jadual Pengiraan

	RM juta
Pendapatan yang dijana oleh aset	
(+) Pendapatan urus niaga bersih	
(+) Lain-lain pendapatan	
Jumlah pendapatan kasar	
(-) Peruntukan dan pendapatan tergantung	
(-) Rizab penyamaan keuntungan	
(-) Perbelanjaan langsung	
Pendapatan kasar bersih	
(-) Pendapatan kepada:	
Akaun pelaburan khas	
DMPI/DPS[1]	
Pendapatan bersih	
(-) Pendapatan kepada:	
Jumlah belum dibayar kepada institusi kewangan	
Instrumen boleh niaga secara Islam	
Pendapatan boleh agih bersih	

[1] Dana modal perbankan Islam/dana pemegang saham.

peruntukan institusi perbankan yang menyertai Skim Perbankan Islam (bank SPI) ditanggung oleh operasi perbankan konvensional. Di bawah rangka kerja ini, bank SPI dikehendaki mengasingkan peruntukan am dan peruntukan khas bagi operasi perbankan Islam selaras dengan kontrak *mudharabah* yang menghendaki peruntukan dalam operasi perbankan Islam dikongsi bersama antara pendeposit dan bank. Ini berbeza dengan operasi perbankan konvensional yang menghendaki pihak bank menanggung sepenuhnya peruntukan tersebut.

Jadual pengiraan turut memperkenalkan item baru yang dikenali sebagai **Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK)**. RPK bertindak sebagai mekanisme bagi mengurangkan turun-naik kadar pulangan ekoran perubahan dalam jumlah pendapatan, peruntukan dan jumlah deposit; serta bagi memastikan kadar pulangan IPI kekal kompetitif dan stabil. Jumlah RPK diperuntukkan daripada jumlah pendapatan kasar dan dikongsi oleh pendeposit dan bank.

Komponen kedua rangka kerja ini ialah **jadual pengagihan**. Jadual ini menetapkan pengagihan pendapatan boleh agih bersih yang dipindahkan daripada jadual pengiraan kepada deposit

Jadual 2
Jadual Pengagihan

Jenis deposit	JPH[1]	Wajaran	JPHD[2]	Keuntungan boleh agih		Bahagian pendeposit		
				RM	%	NPU[3]	RM	%
Akaun permintaan								
Akaun simpanan								
APA[4]								
1 bulan								
3 bulan								
6 bulan								
9 bulan								
12 bulan								
12 bulan ke atas								
				PBAB[5]				

[1] Jumlah purata harian bagi setiap kategori deposit.

[2] Jumlah purata harian diwajarkan.

[3] Nisbah perkongsian untung dipersetujui antara bank dan pendeposit.

[4] Akaun pelaburan am.

[5] Jumlah pendapatan boleh agih bersih yang dipindahkan dari Jadual Pengiraan.

permintaan, deposit simpanan dan deposit pelaburan am berdasarkan struktur deposit (sama ada *mudharabah* atau bukan *mudharabah*), tempoh matang dan nisbah perkongsian untung yang dipersetujui antara pihak bank dan pendeposit. Bagi tujuan rangka kerja ini, Bank Negara Malaysia membenarkan IPI mengguna pakai kaedah wajaran atau tanpa wajaran bersesuaian dengan kapasiti sistem IPI.

IPI dikehendaki mengira kadar pulangan mereka pada setiap bulan dan mengumumkan kadar pulangan bulanan pada tarikh yang ditetapkan. Tempoh satu bulan berikutnya akan menjadi tempoh efektif kadar pulangan yang diumumkan.

Pengenalan rangka kerja ini membolehkan IPI melaksanakan pendekatan seragam dan meningkatkan tahap ketelusan dalam pengiraan kadar pulangan. Ia juga meningkatkan tahap kecekapan IPI kerana kadar pulangan semasa kini ditentukan oleh keupayaan perniagaan IPI berbanding metodologi pengiraan kadar pulangan. Pengenalan RPK juga telah mengurangkan turun-naik kadar pulangan industri perbankan Islam dan membantu IPI mengurus portfolio mereka dengan lebih cekap. Sejajar dengan pengenalan rangka kerja ini, skop pengemukaan statistik diperluaskan bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menilai kecekapan IPI dari segi keuntungan, pengurusan berhemat dan kesaksamaan dengan lebih berkesan.

Bank Negara Malaysia menjalankan kajian semula ke atas rangka kerja ini pada tahun 2003 bagi meningkatkan kapasiti dan kecekapan IPI dalam mengurus operasi perniagaan mereka. Walaupun rangka kerja yang dikaji semula ini masih mengekalkan asas-asas sedia ada, ia akan, antara lain memberi fleksibiliti dalam menentukan wajaran untuk setiap kumpulan deposit, nisbah perkongsian untung deposit pelaburan dan peruntukan RPK. Ia juga memberi fleksibiliti dari segi mengasingkan pendapatan daripada dana yang diurus di bawah dana yang disatukan atau diurus secara berasingan antara dana pemegang saham dan pendeposit. Kajian semula ini memberi fleksibiliti yang lebih meluas kepada IPI untuk menguruskan portfolio mereka demi memastikan kemapanan daya saing dalam pasaran.

Garis Panduan Laporan Contoh dan Penyata Kewangan bagi Bank Islam Berlesen (GP8-i)

Garis Panduan Laporan Contoh dan Penyata Kewangan bagi Bank Islam Berlesen atau GP8-i dikeluarkan kepada bank Islam pada bulan Ogos 2003. Ia menggariskan keperluan minimum pembentangan dan penzahiran laporan dan penyata kewangan bank Islam. GP8-i mula diguna pakai oleh bank Islam bagi tahun kewangan 2004.

GP8-i dikeluarkan bagi menyediakan asas pembentangan dan penzahiran laporan dan penyata kewangan bank Islam. Ia juga bertujuan memastikan ketekalan dan kebolehbandingan laporan dan penyata kewangan di kalangan bank Islam dalam mematuhi peruntukan Akta Bank Islam 1983, Akta Syarikat 1965, kehendak Syariah serta garis panduan Bank Negara Malaysia yang lain. Memandangkan GP8-i ialah garis panduan yang komprehensif, ia turut mengambil kira keperluan piawaian MASB yang baru, khususnya MASB *i*-1: Pembentangan Penyata Kewangan bagi Institusi Kewangan Islam. Piawaian ini berkuat kuasa pada tahun 2003 bertujuan menyeragamkan pembentangan dan penzahiran penyata kewangan bank Islam dan bank konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (bank SPI).

Sebelum GP8-i dikeluarkan, bank Islam telah mematuhi pelbagai peruntukan dalam Akta Syarikat 1965, piawaian perakaunan yang boleh diguna pakai dan Garis Panduan Contoh Penyata Kewangan bagi Industri Perbankan (GP8) yang dirangka bagi operasi perbankan konvensional. Beberapa pengubahsuaian telah dibuat bagi bank Islam berhubung peruntukan tertentu, di bawah GP8 supaya bersesuaian dengan operasi perbankan Islam seperti penzahiran konsep Syariah yang diguna dalam pembiayaan.

Ciri-ciri Utama GP8-i
Antara ciri utama GP8-i adalah seperti berikut:

a) Prestasi Keseluruhan dan Penyata Urus Tadbir Korporat
Bagi menggalakkan amalan urus tadbir korporat yang berkesan, bank Islam perlu melapor prestasi keseluruhan dan amalan urus tadbir korporat mereka. Bagi prestasi keseluruhan, bank Islam dikehendaki memberi ulasan mengenai prestasi, langkah-langkah, pelan dan strategi perniagaan, manakala dalam penyata urus tadbir korporat pula, bank Islam perlu mendedahkan komposisi dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah, aktiviti audit dalaman dan kawalan serta strategi dan dasar pengurusan risiko. Keperluan pelaporan ini penting bagi memberi maklumat tambahan kepada pengguna penyata kewangan bagi menilai pencapaian dan aktiviti perbankan sesebuah bank Islam.

b) Penzahiran Lembaga/ Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Kewajipan Zakat
Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat Syariah memainkan peranan penting memantau kepatuhan aktiviti perbankan Islam kepada kehendak Syariah. Berasaskan kepentingan ini, bank Islam dikehendaki menzahirkan peranan dan tugas Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat Syariah mereka bagi memantau aktiviti yang melibatkan hal-ehwal Syariah dalam Laporan Pengarah. Bagi kewajipan zakat, bank Islam dikehendaki menzahirkan tanggungjawab membayar zakat sama ada bagi perniagaan atau pemegang saham atau bagi pihak pendeposit.

c) Laporan Lembaga/ Jawatankuasa Penasihat Syariah
Bank Islam perlu melapor kepatuhan operasi perbankan Islam kepada prinsip Syariah dalam Laporan Lembaga/ Jawatankuasa Penasihat Syariah. Laporan yang mirip kepada Laporan Juruaudit ini bertujuan meningkatkan kewibawaan operasi bank Islam dalam mematuhi prinsip Syariah.

d) Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK)
RPK adalah mekanisme yang diperkenalkan dalam Rangka Kerja Kadar Pulangan bagi menstabilkan kadar pulangan kepada pendeposit. Penzahiran RPK dapat menunjukkan keupayaan bank Islam dalam mengurus tahap pengagihan keuntungan kepada pendeposit *mudharabah*. Bank Islam perlu menzahirkan dasar RPK dan pergerakannya (peruntukan dan kemasukan semula RPK) sepanjang tahun kewangan.

e) ***Klasifikasi Deposit Pelanggan dan Peletakan Deposit Bank dan Institusi Kewangan Lain***
Bank Islam dikehendaki melaporkan deposit yang diterima kepada dua kategori iaitu deposit *mudharabah* dan bukan *mudharabah*. Sebagai pengurus dana awam, penzahiran sebegini akan memberi maklumat tambahan mengenai profil risiko portfolio deposit bank Islam kepada orang awam.

f) ***Pembentangan Penyata Kewangan***
Pembentangan Penyata Kewangan bank Islam menggambarkan amalan operasi perbankan Islam, khususnya aplikasi konsep *mudharabah* dalam aktiviti pengambilan deposit. Penyata ini menzahirkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dikongsi oleh bank dan pendeposit serta yang menjadi hak mutlak bank.

Kelulusan Produk

- Selaras dengan usaha mewujudkan persekitaran pengawalseliaan yang didorong pasaran, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Keperluan Kelulusan Produk Baru bagi Institusi Perbankan Islam (Garis Panduan) bagi menggantikan peraturan sedia ada. Garis Panduan yang berkuat kuasa pada 2 Januari 2004 ini menggariskan proses pemberitahuan dan kelulusan spesifik bagi produk baru yang dikemukakan oleh institusi perbankan Islam.

  Dalam merangka Garis Panduan ini, Bank Negara Malaysia mengguna pakai pendekatan "apa yang tidak dilarang adalah dibenarkan" ke atas produk perbankan Islam baru. Ia bertujuan meningkatkan darjah kejelasan, ketelusan dan kepantasan dalam kelulusan produk. Bagi produk baru yang layak mendapat kelulusan automatik (menerusi proses pemberitahuan), ia perlu dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia sekurang-kurangnya 21 hari sebelum produk baru itu dilancarkan. Definisi produk baru juga diperluaskan merangkumi produk atau perkhidmatan sedia ada yang menggunakan konsep Syariah yang lain atau melibatkan gabungan konsep Syariah yang baru. Institusi perbankan Islam juga perlu mengemukakan keterangan terperinci konsep Syariah yang digunakan dan telah disahkan oleh jawatankuasa Syariah mereka. Langkah ini bagi memastikan kajian terperinci ke atas produk berkenaan dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam tersebut dan tidak akan melahirkan kesan negatif kepada pelanggan dan kestabilan sistem kewangan. Produk baru yang tidak layak diberikan kelulusan automatik perlu mendapat kelulusan khusus daripada Bank Negara Malaysia dan sekiranya perlu, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia akan turut dirujuk. Garis Panduan ini memberi penekanan kepada pengawalan sendiri oleh institusi perbankan Islam. Sehubungan ini, institusi perbankan Islam perlu memastikan produk yang diperkenalkan mematuhi Garis Panduan ini.

- Sejajar dengan usaha menyelaraskan rangka kerja pengawalseliaan industri kad kredit, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Kad Kredit-i (Garis Panduan) pada bulan Januari 2004, sebagai lanjutan kepada Garis Panduan Kad Kredit yang dikeluarkan kepada bank konvensional pada bulan Mac 2003. Menurut Garis Panduan tersebut, pihak bank boleh menggunakan sama ada konsep Syariah berlandaskan *bai' inah* (perjanjian jual dan beli balik) atau BBA (jualan dengan bayaran tertangguh) bagi kad kredit-i. Dalam konsep *bai' inah*, dana bagi had perbelanjaan pemegang kad terhasil apabila bank membeli balik aset daripada pemegang kad secara tunai selepas ia dijual kepada pemegang kad berdasarkan terma tertangguh. Dalam konsep BBA, dana terhasil apabila bank membeli aset daripada pemegang kad secara tunai dan aset tersebut seterusnya dijual balik kepada pemegang kad secara bayaran tertangguh.

  Garis Panduan ini juga menetapkan tatacara pengenaan penalti dan struktur fi berdasarkan prinsip Syariah. Berhubung caj bayaran lewat, pengeluar kad kredit-i boleh mengenakan fi pampasan ke atas pemungkir, tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, antaranya institusi perbankan Islam dilarang mengkompaunkan fi pampasan bagi bayaran lewat dan caj bulanan. Peruntukan ini bertujuan melindungi para pelanggan dan bagi menyelaraskan struktur penalti kad kredit-i.

Mengukuhkan Infrastruktur Syariah dan Undang-Undang

Salah satu prasyarat bagi sistem perbankan Islam yang kukuh dan stabil ialah kewujudan infrastruktur Syariah dan undang-undang yang komprehensif. Rangka kerja Syariah yang kukuh digabungkan dengan struktur undang-undang yang teguh akan mempercepatkan pembangunan dan inovasi industri perbankan Islam.

- Bagi mengukuhkan rangka kerja Syariah bagi industri kewangan Islam, Bank Negara Malaysia telah meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 pada tahun 2003 bertujuan menaik taraf Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) sebagai badan autoriti tunggal dalam perkara Syariah yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam yang terletak di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. Dengan kedudukan tersebut, MPS akan menjadi tempat rujukan mahkamah atau penimbang tara dalam penyelesaian pertikaian yang melibatkan isu Syariah dalam kes perbankan dan kewangan Islam.

- Sejajar dengan perkembangan ini, peranan badan penasihat Syariah dan perunding Syariah di bank Islam, bank SPI dan syarikat takaful akan diselaraskan. Bank Negara Malaysia kini sedang merangka satu garis panduan lengkap berhubung struktur, peranan dan fungsi baru jawatankuasa Syariah di bank Islam, bank SPI dan syarikat takaful. Garis panduan ini antara lain akan menggariskan syarat-syarat pelantikan ahli jawatankuasa Syariah, seperti keperluan institusi kewangan Islam mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia dalam pelantikan ahli jawatankuasa Syariah. Di samping itu, garis panduan ini akan turut menggariskan tugas dan tanggungjawab institusi kewangan Islam dalam membantu ahli jawatankuasa Syariah menjalankan tugas dan peranan mereka secara berkesan. Garis panduan ini dijangka dikeluarkan pada suku pertama tahun 2004.

- Satu perkembangan signifikan dalam aspek infrastruktur perundangan perbankan dan kewangan Islam adalah penubuhan satu mahkamah tinggi khusus di Bahagian Komersial, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendengar kes muamalat. Sehubungan ini, Hakim Besar Malaya telah mengeluarkan Arahan Amalan No. 1/2003 kepada semua pengamal undang-undang di negara ini yang menghendaki mereka mendaftar kesemua kes perbankan dan kewangan Islam di Mahkamah Tinggi dan mahkamah rendah dengan menggunakan kod pendaftaran khas. Dengan penubuhan Mahkamah Tinggi khusus untuk kes-kes muamalat, kes-kes perbankan dan kewangan Islam dapat didengar dengan lebih cepat dan seterusnya meningkatkan keyakinan awam kepada perbankan dan kewangan Islam.

- Bagi melengkapi sistem mahkamah, Bank Negara Malaysia mengenal pasti proses timbang tara sebagai satu mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif untuk perbankan dan kewangan Islam. Timbang tara adalah satu mekanisme penyelesaian pertikaian yang sesuai khususnya bagi kemudahan pembiayaan berskala tinggi dan dapat mengelakkan proses mahkamah yang kadang kala mengambil masa yang agak lama. Bank Negara Malaysia kini di peringkat akhir untuk memeterai kerjasama dengan institusi timbang tara sedia ada bagi mengendalikan timbang tara perbankan dan kewangan Islam.

- Dalam perkembangan berkaitan, Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) ditubuhkan sebagai pusat pengantaraan tunggal bagi sektor perbankan dan insurans, termasuk perbankan Islam dan takaful. BPK menggantikan biro-biro sedia ada untuk industri perbankan dan industri insurans. BPK dijangka memberi khidmat pengantaraan yang lebih cepat dan berkos efektif kepada pengguna-pengguna yang membuat aduan bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan.

- Di samping mekanisme penyelesaian pertikaian, sektor perundangan juga memerlukan suasana kondusif untuk menguruskan kelainan dan keunikan urus niaga perbankan dan kewangan Islam. Pada bulan Jun 2003, Bank Negara Malaysia menubuhkan Jawatankuasa Kajian Semula Undang-Undang dianggotai oleh wakil Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan, Majlis Peguam Malaysia, peserta industri dan pengamal undang-undang. Jawatankuasa ini akan menyemak dan mengkaji undang-undang sedia ada dan mengemukakan syor kepada pihak berkuasa berkenaan supaya urus niaga perbankan dan kewangan Islam dapat dilaksanakan dengan lebih licin. Antara undang-undang yang dikaji semula termasuk undang-undang percukaian dan duti setem, undang-undang syarikat, undang-undang tanah dan undang-undang prosedur.

Mempertingkatkan Pembangunan Sumber Intelektual dan Pendidikan Pengguna
Usaha melahirkan satu tenaga kerja perbankan berwibawa adalah penting demi pembangunan industri perbankan Islam yang dinamik dan berdaya saing.

- Bagi mencapai matlamat ini, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dikenal pasti untuk menerajui usaha ke arah melahirkan sejumlah tenaga kerja perbankan yang berpengetahuan dan mahir dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. IBFIM akan memberi tumpuan ke arah mempertingkatkan keupayaannya dalam tiga bidang utama iaitu pendidikan dan latihan; perundingan dan khidmat nasihat; serta penyelidikan dan penerbitan.

- Minggu Perbankan Islam dan Takaful (MPIT 2003) anjuran Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia dan di bawah naungan Bank Negara Malaysia telah diadakan dari 26 September hingga 2 Oktober 2003 sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pengguna dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. Antara aktiviti yang dianjurkan sepanjang MPIT 2003 termasuk ekspo selama tiga hari mengenai perbankan dan kewangan Islam.

- Sempena MPIT 2003, Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan Islam terlibat menaja penerbitan satu program dokumentari televisyen berkenaan perbankan dan kewangan Islam bertajuk "Kewangan Islam". Program dokumentari ini mengandungi 11 episod memaparkan pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia serta produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam. Dokumentari ini diterbitkan oleh sebuah stesen penyiaran tempatan.

- Bagi meningkatkan lagi tahap pengetahuan masyarakat umum dalam perbankan dan kewangan Islam, buku info bertajuk "Apakah Perbankan Islam?" dan "Pembiayaan Perumahan-i" diterbitkan sebagai sebahagian daripada Program Pendidikan Pengguna menerusi "Info Perbankan". Buku info ini memberi maklumat kepada para pengguna mengenai kefahaman asas perbankan Islam, prinsip dan konsep Syariah yang digunakan, produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang ditawarkan, dan mekanisme pembiayaan perumahan berdasarkan prinsip Syariah.

PRESTASI SISTEM PERBANKAN ISLAM

Industri perbankan Islam terus mencatat perkembangan kukuh sepanjang tahun 2003 dengan peningkatan bahagian pasaran dari segi aset, pembiayaan dan deposit berbanding keseluruhan sistem perbankan. Prestasi lebih baik ini disokong oleh kedudukan permodalan yang kukuh berikutan kenaikan modal dan peningkatan keuntungan serta aktiviti pembiayaan yang lebih tinggi terutama dalam sektor kenderaan pengangkutan dan harta kediaman. Kualiti aset juga bertambah baik dengan penurunan nisbah pembiayaan tak berbayar bersih dan peningkatan peruntukan kerugian pembiayaan.

Kekukuhan Modal
Modal asas institusi perbankan Islam meningkat dari RM5.1 bilion pada akhir tahun 2002 kepada RM6.8 bilion pada akhir tahun 2003. Suntikan modal baru menyumbang RM1 bilion kepada peningkatan modal asas manakala keuntungan diaudit menyumbang sebanyak RM414.6 juta. Suntikan modal baru tersebut disebabkan penyertaan sebuah bank saudagar dalam Skim Perbankan Islam (SPI) dan pengekalan modal secukupnya oleh institusi perbankan SPI.

Sejajar dengan suntikan modal baru itu, jumlah modal kumpulan 1 meningkat sebanyak RM1.4 bilion atau 31.1% kepada RM5.9 bilion, sementara jumlah modal kumpulan 2 mencatat pertambahan sebanyak RM215.9 juta, ekoran peningkatan peruntukan am bagi pembiayaan hutang ragu dan lapuk. Pada akhir tahun 2003, sistem perbankan Islam mencatat nisbah

Jadual 5.2
Sistem Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun
	2002	2003*a*	2003*a*
	RM juta		
Sumber			
Modal dan rizab	1,269	2,081	6,784
Deposit	6,200	6,906	60,212
Dana daripada institusi kewangan lain	271	2,541	6,985
Liabiliti lain	1,401	2,598	8,215
Jumlah	**9,141**	**14,126**	**82,196**
Kegunaan			
Wang tunai	39	15	255
Rizab dengan Bank Negara Malaysia	318	321	1,517
Deposit dengan institusi kewangan lain	-3,767	1,247	8,982
Pembiayaan	8,517	11,897	48,615
Sekuriti	4,014	3,277	22,554
Aset lain	20	-2,631	273

a Awalan

Graf 5.1
Sistem Perbankan Islam:
Kecukupan Modal pada tahun 2003

modal berwajaran risiko yang kukuh pada paras 13.1% dan nisbah modal teras pada paras 11.4%.

Nisbah modal berwajaran risiko bank Islam dan bank perdagangan SPI masing-masing berada pada paras 11.8% dan 14.3%. Nisbah modal berwajaran risiko bank saudagar SPI pula meningkat dari 10.9% kepada 13.5% berikutan penambahan dana perbankan Islam dua bank saudagar sebanyak RM80 juta dan penyertaan sebuah bank saudagar dalam SPI. Bagi syarikat kewangan SPI, modal asas bertambah 33.2% atau RM479 juta kepada RM1.9 bilion sepanjang tahun 2003. Sementara itu, aset berwajaran risiko meningkat 47.9% atau RM4.9 bilion kepada RM15.1 bilion terutamanya ekoran pengembangan pembiayaan sewa beli. Ini menyebabkan penurunan kecil nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 1.4 mata peratusan kepada 12.7%.

Jumlah aset berwajaran risiko sistem perbankan Islam mengembang sebanyak 24.4% atau RM10.1 bilion kepada RM51.5 bilion pada akhir tahun 2003. Pengembangan ini dapat dilihat dalam keseluruhan kategori aset berisiko kecuali kategori aset berisiko 10% kerana berlaku pengurangan peletakan deposit antara bank dalam syarikat diskaun dan pegangan bon *mudharabah* Cagamas. Pertambahan ketara dicatat dalam kategori aset berisiko 100% dan 50% (masing-masing sebanyak RM8.3 bilion dan RM2.9 bilion) ekoran peningkatan pembiayaan lain dan pembiayaan akhir bagi harta kediaman.

Selaras dengan kedudukan modal sistem perbankan Islam yang kukuh sepanjang tahun 2003, nisbah modal berwajaran risiko dan nisbah modal teras masing-masing kekal pada paras melebihi 11% dan 9%.

Aset

Pada akhir tahun 2003, jumlah aset sektor perbankan Islam meningkat sebanyak RM14.1 bilion atau 20.8% kepada RM82.2 bilion. Sebahagian besar peningkatan jumlah aset disumbangkan oleh pertumbuhan jumlah pembiayaan bank perdagangan SPI (33.6%) dan syarikat kewangan SPI (56.7%), merangkumi 78.3% keseluruhan jumlah pembiayaan. Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, arah aliran ketara sepanjang tahun 2003 adalah peralihan dana daripada deposit antara bank kepada pelaburan dalam sekuriti demi mendapatkan pulangan yang lebih tinggi. Pelaburan dalam sekuriti sebanyak RM22.6 bilion mewakili 27.4% daripada jumlah aset dan meningkat RM3.3 bilion atau 17% sepanjang tahun 2003. Dari segi bahagian pasaran, bank perdagangan SPI masih menyumbang sebahagian besar aset perbankan Islam sebanyak 44.8%, diikuti bank Islam (25.5%) dan syarikat kewangan SPI (21.8%). Dari segi pengembangan aset, syarikat kewangan SPI mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 41.6%, diikuti bank perdagangan SPI (26.5%) dan bank saudagar SPI (20%).

Aktiviti Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh sektor perbankan Islam mengembang sebanyak 32.4% atau RM11.9 bilion (30.2% atau RM8.5 bilion pada tahun 2002). Sebahagian besar pertumbuhan pembiayaan ini disumbangkan oleh peningkatan ketara pembiayaan pembelian kenderaan penumpang dan harta kediaman, masing-masing sebanyak 60.8% dan 33.3%. Permintaan pengguna

Graf 5.2
Sistem Perbankan Islam:
Konsep Pembiayaan pada akhir 2003

terus meningkat dengan kemunculan pakej pembiayaan menarik dan kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam. Pembiayaan berdasarkan konsep BBA (jualan pembayaran tertangguh) kekal terbesar, mencakupi 47.7% jumlah pembiayaan manakala *ijarah thumma al-bai'* (sewa beli) mencakupi 27.6%.

Berikutan permintaan kukuh dalam perbelanjaan pengguna dan pembiayaan korporat, jumlah nilai permohonan pembiayaan yang diterima oleh institusi perbankan Islam pada tahun 2003 meningkat 8.8% kepada RM26.3 bilion. Bagi menampung permintaan yang tinggi dalam pembiayaan baru, pembiayaan baru sebanyak RM16.7 bilion diluluskan sepanjang tahun 2003, manakala pembiayaan yang dikeluarkan bertambah 49.5%. Sementara itu, bayaran balik pembiayaan meningkat 26.3% sepanjang tahun 2003. Secara purata, sejumlah RM3 bilion pembiayaan dikeluarkan setiap bulan sepanjang tahun 2003, berbanding RM2 bilion pada tahun 2002. Bersandarkan keadaan ekonomi yang menggalakkan, kedudukan modal yang kukuh dan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan Islam, institusi perbankan Islam berada dalam kedudukan baik untuk mengekalkan momentum pertumbuhan aktiviti pembiayaan pada tahun 2004.

Bersandarkan keadaan ekonomi yang menggalakkan, kedudukan modal yang kukuh dan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan Islam, institusi perbankan Islam berada dalam kedudukan baik untuk mengekalkan momentum pertumbuhan aktiviti pembiayaan pada tahun 2004.

Jadual 5.3
Sistem Perbankan Islam: Arah Aliran Pembiayaan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2003*a*
	2002	2003*a*	
	RM juta		
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	-45.6	267.6	1,861.6
Perlombongan dan kuari	10.5	-11.0	63.5
Perkilangan	807.8	505.6	4,386.8
Elektrik, gas dan air	-9.9	-284.8	248.9
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	-139.2	89.4	303.3
Sektor harta benda yang luas	4,953.2	4,747.0	20,482.7
Harta tanah	*103.5*	*142.6*	*811.9*
Pembinaan	*579.9*	*655.3*	*2,933.5*
Pembelian harta kediaman	*3,916.9*	*3,581.4*	*14,344.2*
Pembelian harta bukan kediaman	*353.0*	*367.7*	*2,393.1*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	251.2	410.6	1,797.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	61.8	199.5	1,024.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	42.2	661.6	1,933.3
Pembelian sekuriti	62.4	-14.1	920.9
Kredit penggunaan	2,474.5	5,584.9	14,872.1
Kad kredit	*57.5*	*95.7*	*156.2*
Kegunaan persendirian	*374.7*	*575.5*	*1,637.1*
Pembelian barangan pengguna	*8.1*	*-9.2*	*54.1*
Pembelian kenderaan pengangkutan	*2,034.1*	*4,922.9*	*13,024.7*
Lain-lain	47.5	-258.7	720.9
Jumlah	**8,516.4**	**11,897.6**	**48,615.3**

a Awalan

Sektor perbankan Islam turut memberi tumpuan kepada berian pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Jumlah pembiayaan yang diberikan oleh institusi perbankan Islam kepada PKS meningkat 77.1% daripada RM3.5 bilion pada akhir tahun 2002 kepada RM6.2 bilion pada akhir tahun 2003. Pembiayaan secara Islam menyumbang 7.5% daripada jumlah pembiayaan sistem perbankan kepada PKS pada akhir tahun 2003 berbanding 4.7% pada akhir tahun 2002.

Jadual 5.4
Sistem Perbankan Islam: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Perubahan tahunan (%)
	2002	2003*a*	
	RM juta		
Kelulusan pembiayaan	12,310	16,739	36.0
Pengeluaran pembiayaan	24,187	36,162	49.5
Pembayaran balik pembiayaan	20,776	26,241	26.3
	Pada akhir tahun		**Perubahan tahunan (%)**
	2002	2003*a*	
	RM juta		
Jumlah pembiayaan	36,718	48,615	32.4

a Awalan

Kualiti Aset

Kualiti aset industri perbankan Islam bertambah baik sepanjang tahun 2003. Pada akhir tahun 2003, nisbah pembiayaan tidak berbayar (NPF) kasar dan bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan masing-masing mencatat 8.6% (8.9% pada tahun 2002) dan 5.5% (5.7% pada tahun 2002). Nisbah NPF bersih institusi perbankan Islam berada pada paras antara 5.3% hingga 5.6% sepanjang tahun 2003. Peruntukan kerugian pembiayaan kekal tinggi pada paras 53.7% daripada jumlah NPF pada akhir tahun 2003. Jumlah peruntukan kerugian pembiayaan meningkat kepada RM2.4 bilion berbanding RM2 bilion pada tahun 2002. Pendapatan tergantung, peruntukan am dan peruntukan khas yang disediakan oleh institusi perbankan Islam masing-masing meningkat sebanyak 43.7%, 33.7% dan 3.9% sepanjang tahun 2003. Peruntukan am purata industri perbankan Islam berada pada paras 1.9% daripada jumlah pembiayaan bersih berikutan amalan berhemat sebilangan institusi perbankan Islam yang menyediakan peruntukan yang lebih tinggi bagi pembiayaan. Ia turut diperkukuhkan apabila rangka kerja bagi pengiraan kadar pulangan diperkenalkan yang menghendaki pembahagian peruntukan am yang berasingan bagi portfolio pembiayaan perbankan Islam bank SPI.

Jadual 5.5
Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan Tidak Berbayar dan Peruntukan Pembiayaan

	Pada akhir tahun					
	2002			2003*a*		
	Sebenar[1]	Klasifikasi 3-bulan	Klasifikasi 6-bulan	Sebenar[1]	Klasifikasi 3-bulan	Klasifikasi 6-bulan
	RM juta					
Bank-bank Islam						
Peruntukan am	209.1	209.1	209.1	170.5	170.5	170.5
Pendapatan tergantung	133.2	142.2	133.2	178.2	186.9	178.2
Peruntukan khas	395.4	436.4	395.4	406.7	434.9	406.7
Pembiayaan tidak berbayar	1,396.4	1,933.0	1,396.4	1,575.5	2,002.2	1,575.5
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	10.1	15.8	10.1	10.8	15.1	10.8
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	52.8	40.8	52.8	47.9	39.6	47.9
Bank perdagangan[2]						
Peruntukan am	250.0	226.5	247.9	400.9	379.7	300.8
Pendapatan tergantung	113.0	78.1	111.4	213.3	130.1	207.1
Peruntukan khas	222.4	222.4	222.3	280.3	284.4	309.3
Pembiayaan tidak berbayar	1,300.0	1,604.2	1,085.0	1,991.7	2,274.4	1,653.7
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	5.9	7.9	4.6	6.9	8.5	5.2
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	45.0	32.9	53.6	44.9	34.9	49.4
Syarikat kewangan[2]						
Peruntukan am	202.2	202.2	202.2	316.7	316.6	318.7
Pendapatan tergantung	129.8	158.7	126.3	150.8	155.8	149.8
Peruntukan khas	279.4	748.9	238.3	274.9	296.7	274.5
Pembiayaan tidak berbayar	751.5	919.0	671.1	832.3	1,058.7	805.1
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	3.6	0.1	3.2	2.7	4.0	2.5
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	81.4	120.8	84.5	89.2	72.6	92.3
Bank saudagar[2]						
Peruntukan am	12.2	12.2	12.2	12.1	12.1	12.1
Pendapatan tergantung	15.6	15.6	15.6	20.6	20.7	20.6
Peruntukan khas	33.6	33.6	33.6	5.4	5.4	5.4
Pembiayaan tidak berbayar	127.7	127.7	127.7	125.6	128.3	125.6
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	10.4	10.4	10.4	13.2	13.5	13.2
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	48.1	48.1	48.1	30.3	29.8	30.3
Sistem perbankan Islam						
Peruntukan am	673.5	649.9	671.3	900.2	879.0	802.0
Pendapatan tergantung	391.7	394.6	386.6	562.9	493.5	555.6
Peruntukan khas	930.7	1,441.3	889.6	967.2	1,021.4	995.8
Pembiayaan tidak berbayar	3,575.5	4,583.9	3,280.2	4,525.1	5,463.6	4,159.9
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	6.4	7.9	5.7	6.4	8.4	5.5
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	55.8	54.2	59.4	53.7	43.8	56.6

[1] Pembiayaan yang diklasifikasikan sebagai pembiayaan tidak berbayar mengikut dasar pengkelasan institusi perbankan masing-masing iaitu 3-bulan atau 6-bulan.
[2] Merujuk kepada portfolio perbankan Islam bagi institusi-institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam dan merupakan subset kepada jumlah yang dilaporkan untuk keseluruhan sistem perbankan bagi bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan.
[3] Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih = (Pembiayaan tidak berbayar selepas ditolak pendapatan tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pembiayaan selepas ditolak pendapatan tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.
a Awalan

Graf 5.3
Sistem Perbankan Islam:
Nisbah Pembiayaan Tidak Berbayar Bersih[1]

[1] Berdasarkan klasifikasi sebenar

Sektor harta benda yang meluas mencakupi sebahagian besar jumlah NPF iaitu sebanyak 62.3% (59.7% pada tahun 2002). NPF yang tinggi dalam sektor harta benda yang meluas berpunca daripada peningkatan NPF dalam harta kediaman dan sektor pembinaan, masing-masing sebanyak RM451 juta dan RM174.5 juta. Di samping itu, peningkatan NPF juga berlaku dalam sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan sebanyak RM108.2 juta.

Kadar Pulangan

Kadar pulangan deposit pelaburan dipengaruhi faktor-faktor seperti pulangan ke atas aset, kualiti aset dan jumlah deposit institusi perbankan Islam. Sepanjang tahun 2003, sejajar dengan pertumbuhan pembiayaan dan kualiti aset yang menggalakkan, kadar pulangan kepada pendeposit akaun pelaburan kekal stabil bagi kesemua tempoh matang. Kadar pulangan deposit 1-bulan dan 3-bulan masing-masing berkisar antara 2.56% sehingga 2.72% dan 2.63% sehingga 2.85%. Kadar pulangan yang stabil ini turut dipengaruhi perubahan dalam nisbah pembahagian keuntungan bagi setiap tempoh matang deposit di samping elemen Rizab Penyamaan Keuntungan yang membolehkan institusi perbankan Islam mengurus perubahan kadar pulangan dengan lebih berkesan.

Graf 5.4
Sistem Perbankan Islam:
Arah Aliran Kadar Pulangan kepada Pendeposit

Keuntungan

Berikutan pertumbuhan sederhana jumlah pembiayaan, sektor perbankan Islam mencatat kenaikan dalam pendapatan pembiayaan bersih sebanyak RM555 juta di peringkat operasi. Pendapatan bukan pembiayaan sektor perbankan Islam turut meningkat RM232 juta atau 46.9%. Sektor perbankan Islam mencatat kenaikan keuntungan sebelum peruntukan berjumlah RM2.3 bilion (RM1.7 bilion pada tahun 2002). Setelah mengambil kira peruntukan kerugian pembiayaan, sektor perbankan Islam mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM977.2 juta pada tahun kalendar 2003 (RM947.8 juta pada tahun 2002). Meskipun terdapat peningkatan dalam peruntukan sebanyak RM1.3 bilion, keuntungan sebelum cukai tetap mencatatkan peningkatan kerana kenaikan pendapatan pembiayaan dan bukan pembiayaan melebihi peningkatan peruntukan. Peruntukan kerugian pembiayaan yang lebih tinggi ini

Jadual 5.6
Sistem Perbankan Islam:
Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar		Perubahan tahunan	
	2002	2003*a*	2003*a*	
	RM juta		RM juta	%
Pendapatan pembiayaan selepas ditolak pendapatan tergantung	3,196	3,870	674	21.1
(Pendapatan tergantung)	*373*	*306*	*-67*	*-18.0*
Tolak: Perbelanjaan pembiayaan	1,569	1,688	119	7.6
Pendapatan pembiayaan bersih	1,627	2,182	555	34.1
Campur: Pendapatan bukan pembiayaan	495	727	232	46.9
Tolak: Kos kakitangan	199	229	30	15.1
Kos overhed	269	384	115	42.8
Keuntungan sebelum peruntukan	1,654	2,296	642	38.8
Tolak: Peruntukan pembiayaan dan peruntukan lain	706	1,319	613	86.8
Keuntungan sebelum cukai	948	977	29	3.1
Pulangan ke atas aset (%)	1.4	1.2		
Pulangan ke atas ekuiti (%)	20.2	14.4		

a Awalan

sebahagiannya disebabkan peningkatan dalam jumlah pembiayaan tidak berbayar dan Rizab Penyamaan Keuntungan.

Mudah Tunai

Sepanjang tahun 2003, terdapat lebihan dalam mudah tunai sistem perbankan Islam. Jumlah deposit mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 13% atau RM6.9 bilion kepada RM60.2 bilion pada akhir tahun 2003. Bank perdagangan SPI dan bank Islam menguasai sebahagian besar jumlah deposit sektor perbankan Islam sebanyak 73.2% (74.8% pada tahun 2002). Di kalangan peserta perbankan Islam, bank saudagar SPI mencatat kadar pengembangan deposit tertinggi sebanyak 24.6% diikuti oleh syarikat kewangan SPI sebanyak 20.6%.

Deposit pelaburan (am dan khas) terus menguasai sebahagian besar deposit perbankan Islam dengan menyumbang 58.5% daripada keseluruhan deposit perbankan Islam. Sepanjang tahun 2003, deposit tabungan dan deposit permintaan masing-masing mencatat pengembangan sebanyak 26.6% dan 19.6%, berikutan peningkatan jumlah pelanggan runcit. Dari segi profil kematangan deposit pelaburan am, 52.6% daripada jumlah pelaburan deposit am tertumpu kepada tempoh matang jangka pendek, terutama di antara tempoh matang satu hingga tiga bulan memandangkan perbezaan peningkatan kadar pulangan pelaburan jangka pendek dan jangka panjang yang kecil. Kadar pulangan purata bagi deposit kekal stabil pada tahun 2003.

Jadual 5.7
Sistem Perbankan Islam: Deposit mengikut Jenis dan Institusi

	Perubahan tahunan				Pada akhir tahun 2003*a*
	2002		2003*a*		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit permintaan	**2,727**	**42.2**	**1,796**	**19.6**	**10,980**
Bank-bank Islam	834	31.9	693	20.1	4,143
Bank perdagangan	1,893	49.3	1,103	19.2	6,837
Deposit tabungan	**1,275**	**30.7**	**1,442**	**26.6**	**6,866**
Bank-bank Islam	308	21.2	190	10.8	1,952
Bank perdagangan	897	42.1	1,145	37.8	4,175
Syarikat kewangan	70	12.5	107	16.9	739
Deposit pelaburan	**2,463**	**7.4**	**-741**	**-2.1**	**35,227**
Bank-bank Islam	909	8.9	93	0.8	11,183
Bank perdagangan	-1,032	-7.6	-2,351	-18.7	10,227
Syarikat kewangan	1,419	20.3	614	7.3	9,019
Bank saudagar	7	1.9	213	56.5	590
Syarikat diskaun	1,160	49.2	690	19.6	4,208
Lain-lain deposit	**-266**	**-8.9**	**4,410**	**161.6**	**7,139**
Bank-bank Islam	-5	-4.0	187	157.1	306
Bank perdagangan	-314	-12.8	3,148	147.6	5,281
Syarikat kewangan	-59	-50.9	1,150	2,017.5	1,207
Bank saudagar	4	1.3	-46	-15.0	261
Syarikat diskaun	108	2,160.0	-29	-25.7	84

a Awalan

Dari segi kedudukan mudah tunai, kedua-dua bank Islam mempunyai mudah tunai yang mencukupi bagi menghadapi pengeluaran dana tak dijangka bagi tempoh sehingga satu bulan. Lebihan mudah tunai mengatasi keperluan minimum 3% dan 5%, masing-masing bagi lingkungan tempoh sehingga satu minggu, dan tempoh satu minggu sehingga satu bulan. Nisbah pembiayaan atas deposit institusi perbankan Islam menunjukkan arah aliran peningkatan yang menggalakkan. Nisbah pembiayaan atas deposit meningkat daripada 68.9% pada Disember 2002 kepada 80.7% pada akhir tahun 2003 ekoran peningkatan yang lebih tinggi dalam jumlah pembiayaan berbanding deposit sepanjang tempoh tersebut.

Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI)

Pasaran wang antara bank secara Islam (PWABI) terus mencatat kedudukan lebihan mudah tunai sepanjang tahun 2003. Walau bagaimanapun, lebihan mudah tunai dikekalkan pada tahap bersesuaian berikutan beberapa siri operasi mudah tunai yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia. Selain penggunaan mekanisme deposit *wadiah* antara bank bagi menyerap lebihan mudah tunai dari pasaran, penerbitan instrumen Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) berjumlah RM2 bilion dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia (BNNN) berjumlah RM1 bilion juga menstabilkan kedudukan mudah tunai dalam

Jadual 5.8
Pasaran Wang Antara Bank secara Islam

	2002	2003*a*	Perubahan tahunan	
	RM bilion		RM bilion	%
Dana Islam				
Pelaburan Mudharabah Antara Bank*	247.0	283.8	36.8	14.9
Instrumen Islam				
Terbitan Pelaburan Kerajaan	5.9	36.1	30.2	511.9
Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia*	2.2	8.8	6.6	300.0
Bil Dagangan Jangka Pendek*	24.8	34.8	10.0	40.3
Instrumen Deposit Boleh Niaga secara Islam*	0.8	4.2	3.4	425.0
Jumlah	**280.7**	**367.7**	**87.0**	**31.0**

* Jumlah urus niaga melalui broker pasaran wang.
a Awalan

Graf 5.5
TPK - Jumlah Urus Niaga

Graf 5.6
Kadar Hasil Purata bagi TPK

PWABI. Pengurusan kedudukan lebihan mudah tunai yang aktif menerusi penerbitan sekuriti Islam kerajaan dan Bank Negara Malaysia mengurangkan jumlah dana yang diserap melalui penerimaan terus deposit *wadiah* antara bank. Sehubungan ini, purata jumlah tertunggak harian yang diserap melalui mekanisme deposit *wadiah* antara bank berkurangan sebanyak 61.3% daripada RM6.2 bilion pada tahun 2002 kepada RM2.4 bilion pada tahun 2003.

Pertambahan bekalan TPK dan BNNN menyumbang kepada peningkatan ketara aktiviti dagangan kedua-dua instrumen tersebut. Jumlah urus niaga TPK dan BNNN masing-masing mencatat peningkatan 511.9% (RM30.2 bilion) dan 300% (RM6.6 bilion). Langkah yang diambil bagi meningkatkan penerbitan sekuriti kerajaan merangsang urus niaga pasaran sekunder yang cergas dalam PWABI. Bank Negara Malaysia turut memperkenalkan langkah baru yang menghendaki peniaga utama memainkan peranan sebagai penggiat pasaran TPK dan BNNN. Langkah ini mewujudkan proses penentuan harga yang teratur bagi memudahkan urus niaga dalam pasaran primer dan sekunder.

Urus niaga deposit antara bank dan aktiviti urus niaga instrumen lain dalam PWABI seperti bil perdagangan turut mencatat pertumbuhan positif. Sepanjang tahun 2003, pelaburan *mudharabah* antara bank mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 14.9% berjumlah RM283.8 bilion (RM247 bilion pada tahun 2002). Urus niaga Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam (SHBN) juga mencatat pertumbuhan positif. Bekalan SHBN dalam pasaran meningkat berikutan usaha institusi perbankan Islam mempergiatkan penerbitan instrumen boleh niaga secara Islam bagi menggembleng deposit jangka panjang (tempoh matang melebihi 6 bulan) menerusi penerbitan SHBN. Inisiatif ini mendorong urus niaga aktif SHBN dalam PWABI yang mencatat pertumbuhan tiga angka sebanyak 425%. Walau bagaimanapun, secara relatif, nilai mutlak urus niaga SHBN kekal kecil. Bagi bil perdagangan jangka pendek, aktiviti urus niaga menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 40.3%, daripada RM24.8 bilion pada tahun 2002 kepada RM34.8 bilion pada tahun 2003 sejajar dengan peningkatan aktiviti pembiayaan perdagangan.

Sepanjang tahun 2003, urus niaga sekuriti hutang swasta secara Islam (SHSI) meningkat 59.7% kepada RM60.7 bilion berbanding RM38 bilion pada tahun 2002. Peningkatan lebih tinggi dalam urus niaga SHSI adalah disebabkan oleh penerbitan baru SHSI berjumlah RM8.1 bilion dan sentimen urus niaga yang kukuh pada separuh tahun pertama. Tahun 2003 juga menyaksikan penerbitan pertama sekuriti bersandarkan aset berasaskan prinsip Islam berjumlah RM986 juta.